

tanggungjawab sosial korporat

Kumpulan MNRB menyedari komitmennya kepada semua pemegang kepentingan dan berusaha untuk beroperasi secara beretika serta bertanggungjawab dari segi kewangan dan sosial. Kami akan terus berusaha untuk meraih peluang sambil turut memberi perhatian kepada tanggungjawab sosial kami.

Kami menganggap Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) sebagai satu pelaburan dalam aset yang strategik untuk jangka panjang dan berusaha melaksanakan pendekatan yang seimbang. Kumpulan komited untuk menyumbang kembali kepada masyarakat, dan pada masa yang sama mencapai objektif perniagaan kami.



Aktiviti CSR Kumpulan memfokus kepada tiga bidang teras utama iaitu Tempat Kerja, Pasaran dan Masyarakat & Alam Sekitar.

Tempat Kerja

Latihan Pengarah dan Pengurusan Kanan

Sejak Program Pembelajaran Berterusan (CEP) dimansuhkan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2005, MNRB tidak pernah mengabaikan keperluan para Lembaga Pengarah untuk sentiasa dilengkapi dengan pengetahuan khusus dalam bidang-bidang yang dapat membantu mereka melunaskan tugas mereka sebagai Pengarah.

MNRB telah menganjurkan pelbagai latihan bagi para Lembaga Pengarah sejak tahun 2005 dan turut menghantar mereka ke program-program awam apabila perlu. Pada tahun 2007, MNRB mengadakan latihan bagi para Lembaga Pengarah yang bertajuk "RIZAB AKTUARI: SATU PENDEKATAN PROFESIONAL TERHADAP KETIDAKPASTIAN", yang diadakan di Berjaya Langkawi Beach dan Spa Resort, Langkawi, Kedah.



11 April, 1 – 2 Ogos 2007 & 11 Januari 2008

Taklimat Suku Tahunan Presiden

Taklimat Suku Tahunan Presiden dijalankan dalam dua sesi. Sesi pagi diadakan untuk peringkat pengurusan dan ke atas; dan sesi kedua diadakan bagi keseluruhan warga IKHLAS yang lain (peringkat eksekutif dan ke bawah). Dalam kedua-dua sesi ini, Presiden telah membentangkan hal-hal khusus berkaitan pengurusan, nilai-nilai IKHLAS dan pengemaskinian kewangan.

29 Jun – 1 Julai 2007 **Percutian Keluarga Tahunan** **- Sambutan Jubli Perak**

Percutian Keluarga Tahunan Malaysian Re ke-25 yang diadakan di Sofitel Palm Resort, Johor Bahru menyaksikan penyertaan lebih 600 orang kakitangan dan keluarga mereka. Dalam acara yang bertemakan "Bersukan Dengan Bergaya", pasukan ACE telah muncul sebagai Pemenang Keseluruhan. Pertandingan "Teh Tarik" Berirama adalah acara yang menjadi bualan semua.



10 Julai 2007 **Program Komunikasi Dalaman Takaful IKHLAS**

Pertandingan yang diilhamkan oleh Jabatan Perancangan Korporat & Komunikasi Korporat ini bertemakan "Kreatif, Inovatif dan KESERONOKAN" terbuka kepada semua kakitangan eksekutif dan sokongan pentadbiran. Kempen pertama bertajuk "Cadangan Langkah-langkah Pengurangan Kos"; dan pencontoh berkaitannya disediakan dalam intranet Syarikat. Bagi pertandingan ini, dua telefon bimbit Nokia 6070 telah dihadiahkan kepada dua kertas cadangan terbaik.



6 Ogos – 3 September 2007 & 7 Disember 2007 – 7 Januari 2008 **Peraduan Sudoku**

Peraduan Sudoku yang merupakan aktiviti dua kali setahun, adalah begitu popular di kalangan kakitangan MNRB dan Malaysian Re. Objektif peraduan ini adalah untuk memupuk individu berpemikiran kritikal dan mencabar kreativiti minda.



5 September 2007 **Penjagaan Mata**

Ke arah mempromosikan persekitaran kerja yang sihat dan selamat, MNRB telah bekerjasama dengan Optimax Laser Eye Centre

untuk menganjurkan program bergelar "Care For The Eye". Objektif program ini adalah untuk mendidik kakitangan mengenai kepentingan penjagaan mata kerana ramai diantara mereka mengabaikan pemeriksaan mata tahunan mereka. Semua kakitangan diberi ujian mata percuma yang meliputi preskripsi am dan nasihat penjagaan mata umum. Risalah berhubung penyakit mata juga diedarkan semasa program ini.



25 Oktober 2007 **Rumah Terbuka Takaful IKHLAS 2007**

"Aidilfitri" di sambut dengan penuh keceriaan di Takaful IKHLAS. Program Rumah Terbuka "Raya" telah dianjurkan bagi semua warga IKHLAS dan ejen di Bangunan Takaful IKHLAS, Petaling Jaya.



6 November 2007 **Syawal Nan Ceria**

Perhimpunan "Hari Raya" telah dianjurkan untuk mengukuhkan semangat berpasukan di kalangan kakitangan. Sambutan tersebut turut dikongsi bersama-sama 60 orang kanak-kanak daripada Majlis kanser Nasional (MAKNA) dan Rumah Anak Yatim, Kuang. Syarikat berjaya menerbitkan keceriaan di kalangan kanak-kanak tersebut dengan menghiburkan mereka melalui pertunjukan silap mata, aktiviti melukis mug dan persembahan oleh artis Malaysia, Waheeda. Pengerusi Kumpulan pula telah diberi penghormatan untuk mengagihkan duit raya dan hamper makanan kepada setiap kanak-kanak.

tanggungjawab sosial korporat



15 – 17 Februari 2008
Hari Keluarga Takaful IKHLAS 2007

Hari Keluarga Takaful IKHLAS telah menarik penyertaan lebih 300 orang kakitangan Takaful IKHLAS dan keluarga mereka. Antara aktiviti menarik yang diadakan adalah majlis makan malam bertemakan “Arabian Nights”. Kebanyakan daripada mereka yang hadir mengenakan jubah dan pakaian ala Timur Tengah sempena tema Hari Keluarga tersebut. Antara acara yang paling ditunggu-tunggu pada malam itu adalah Cabutan Bertuah. Lebih 100 hadiah menarik disediakan termasuk barangan elektronik yang telah dimenangi oleh kakitangan bertuah. Selain itu, semasa menikmati hidangan yang menyelerakan, para tetamu turut dihiburkan dengan persembahan daripada Musli Ramlee dan Nazri, bekas penyanyi kumpulan nasyid Raihan. Kumpulan nasyid Takaful IKHLAS sendiri turut tidak ketinggalan membuat persembahan menarik pada malam tersebut.



18 – 19 Februari & 12 – 13 Mac 2008
“Staff Breakaway”

Program “Staff Breakaway” dirangka untuk menerokai dengan lebih mendalam konsep dan sinergi berpasukan bagi organisasi untuk mendapatkan keputusan maksimum daripada setiap kakitangan. Ia turut mewujudkan erti sebenar semangat bekerjasama diantara pasukan sambil mengekalkan pergantungan antara individu. Dengan program ini, diharap mereka dapat memberi perkhidmatan berkualiti sebagai sebuah pasukan, menghargai kepelbagaian dan bekerjasama dalam pasukan di samping mempertingkatkan hubungan di kalangan ahli pasukan.



18 Februari – 30 Mac 2008
Kempen Kesejahteraan Wanita

MNRB begitu prihatin terhadap kesihatan dan kesejahteraan kakitangannya tanpa mengira jantina. Baru-baru ini, Kumpulan MNRB telah menganjurkan “Kempen Kesejahteraan Wanita” sebagai sebahagian daripada aktiviti dalam program Tanggungjawab Sosial Korporatnya. Program tersebut menawarkan pelbagai pemeriksaan kesihatan bertujuan mengesan sebarang tanda penyakit wanita yang serius. Pemeriksaan percuma tersebut dijalankan oleh Pusat Pemeriksaan dan Kesejahteraan Premier, Hospital Pakar Ampang Puteri, Ampang. Kakitangan digalakkan mengambil bahagian dalam pemeriksaan kesihatan ini kerana pemeriksaan kesihatan percuma sedemikian merupakan peluang yang jarang-jarang diperolehi. Sempena kempen tersebut, seorang doktor telah dijemput untuk menyampaikan ceramah bertajuk, “Kesihatan Wanita Yang Baik”. Ceramah tersebut diadakan di kedua-dua Bangunan Malaysian Re dan Bangunan Takaful IKHLAS.



26 – 27 Februari 2008
Makanan Kesihatan Tambahan

Untuk kali ketiga, MNRB telah bekerjasama dengan CCM Pharmaceuticals untuk menganjurkan sebuah ceramah kesihatan bagi semua kakitangan Kumpulan MNRB. Kakitangan turut mengambil peluang membeli produk-produk kesihatan tambahan pada harga istimewa. Tawaran ini turut dikongsi bersama semua penghuni Bangunan Malaysian Re. Secara tidak langsung, program ini dapat membantu mendidik kakitangan berhubung semua aspek kesihatan selain daripada membangunkan program pendidikan pencegahan.

Pasaran

Program Latihan Pasaran

MNRB menyedari komitmennya kepada semua pemegang kepentingan khususnya dalam industri insurans. Dalam usahanya untuk menerapkan tahap profesionalisme yang lebih tinggi dalam industri dengan membangunkan aset paling penting – modal insan – MNRB akan mengenal pasti, menganjur dan menawarkan program-program latihan kepada industri. Lebih sepuluh (10) kursus latihan pasaran telah dianjurkan pada tahun 2007. Ini termasuk Program tahunan bagi Pembangunan Eksekutif Insurans, yang meliputi empat kelas insurans dan program latihan di luar.

Selain itu, MNRB turut menyediakan penajaan terhadap beberapa persatuan tertentu yang menyediakan latihan kepada industri.



21 April 2007
Perlawanan Boling Persahabatan Takaful IKHLAS

Jabatan Institusi Kewangan Takaful IKHLAS telah menganjurkan perlawanan boling persahabatan bagi kakitangan pemasaran Malaysia Building Society Berhad (MBSB) dan cawangan-cawangan Bank Rakyat di sekitar Lembah Klang. Acara yang diadakan di Cosmic Bowl, Mid Valley tersebut adalah untuk memupuk hubungan kerja yang baik antara kakitangan institusi kewangan tersebut.



19 – 22 Julai 2007
Seminar Pemasaran Malaysian Re

Unit-unit Perniagaan Malaysian Re telah menganjurkan seminar pemasaran di Bandung, Indonesia. Sebanyak 44 peserta daripada syarikat-syarikat insurans tempatan termasuk kakitangan Malaysian Re telah menyertai seminar yang bertemakan "Kemahiran Minda – Prestasi Puncak dan Kemahiran Kejayaan". Seminar tersebut turut membantu memupuk hubungan yang lebih erat antara ahli peserta yang terdiri daripada ahli pengunderaitan daripada industri insurans tempatan.



7 – 8 September 2007
Seminar Konsortium Risiko Tenaga Malaysia (MERIC) & Gemblengan Penerbangan Malaysia (MAP) 2007

Tujuan seminar tahunan ini diadakan adalah untuk mengumpulkan pelbagai kumpulan pengunderaitan dalam bidang risiko minyak & gas dan risiko penerbangan. Ia turut menyediakan platform untuk saling menghargai syarikat pengunderaitan bagi kelas-kelas perniagaan khas tersebut sebagaimana yang dilihat daripada perspektif berbeza para pemegang kepentingan. Seramai 30 orang peserta telah menghadiri seminar tersebut.



15 Mac 2008
Malaysian Re Memperkasa & Memupuk Bintang di Kalangan Kakitangan Insurans

Sempena galakan gaya hidup sihat di kalangan kakitangan industri insurans, Malaysian Re telah menganjurkan Klinik Futsal bagi kakitangan insurans. 75 orang peserta mengambil bahagian dalam klinik sukan tersebut yang merupakan sebahagian daripada program CSR Syarikat. Acara itu diharapkan dapat mewujudkan kesedaran serta menggalakkan gaya hidup sihat dan turut mempertingkatkan lagi hubungan kakitangan Malaysian Re dan hubungan perniagaannya dalam industri insurans.

Masyarakat & Alam Sekitar



20 – 29 April 2007
MSAM 2007 – Satu Lagi Kenangan Manis

Kumpulan MNRB sekali lagi mengambil bahagian dalam Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) kelapan yang diadakan dari 20 hingga 29 April 2007 di Padang MPK 2, Kuantan, Pahang Darul Makmur. Kumpulan MNRB telah menyokong MSAM sejak pelancarannya pada tahun 2000. MSAM mempunyai keupayaan untuk mendidik rakyat Malaysia berhubung kepentingan pelaburan pintar dan perancangan kewangan. Kumpulan MNRB berasa bangga dikaitkan dengan acara dan inisiatif ini, dan akan terus menghulurkan sokongan untuk menjayakannya.

Selain daripada itu, Takaful IKHLAS telah memanfaatkan penyertaan dalam acara tersebut dengan melancarkan IKHLAS Capital Investment-Linked Takaful dan IKHLAS Premier Investment-Linked Takaful. Kedua-dua produk tersebut dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Y.A.B. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Dalam acara yang sama, Takaful IKHLAS turut mengambil kesempatan untuk memperkenalkan pelan perlindungan individu iaitu IKHLAS Wanita Takaful kepada orang ramai melalui sebuah seminar percuma bertajuk "Anda Adalah Wanita Istimewa" yang diadakan di MS Garden Hotel. Dalam seminar tersebut, para peserta berpeluang untuk diberi taklimat oleh doktor-doktor pakar perubatan/O&G (pakar obstetrik & ginekologi) yang berkongsi tip dan nasihat berhubung isu-isu perubatan serta perlindungan peribadi.

Takaful IKHLAS turut menaja 5,000 naskhah akhbar Berita Harian yang diedarkan di pintu masuk utama serta penajaan tapak surau di lokasi MSAM 2007 untuk manfaat orang ramai.



23 Mei 2007
MNRB Menganugerahkan 40 Biasiswa

Tabung Biasiswa MNRB yang diwujudkan oleh MNRB pada tahun 1998 telah memberi 14 biasiswa kepada rakyat Malaysia yang layak untuk melanjutkan pelajaran mereka dalam pelbagai bidang. Untuk pertama kalinya, Tabung Biasiswa MNRB memberi 12 biasiswa kepada calon-calon yang melanjutkan pelajaran secara sambilan dalam pengajian "Diploma Institut Insurans Malaysia (DMII)". Tambahan sebanyak 14 biasiswa telah diberikan kepada calon-calon yang mengikuti "Pengajian Ahli Bersekutu Institut Insurans Malaysia (AMII)" di Institut Insurans Malaysia (MII). Pemberian biasiswa ini menggambarkan komitmen MNRB terhadap pembangunan modal insan. MNRB juga berharap usaha ini akan dapat mewujudkan lebih ramai golongan profesional dalam industri Insurans dan Takaful.



31 Ogos 2007
Sambutan Hari Merdeka ke-50

Penglibatan kakitangan Takaful IKHLAS dalam perbarisan lintas hormat pada sambutan Hari Kebangsaan ke-50 adalah sesuatu yang amat membanggakan. Semangat dan komitmen yang ditunjukkan oleh setiap warga IKHLAS yang secara sukarela menghadiri setiap sesi latihan harian, menggambarkan dedikasi dan tahap disiplin mereka yang tinggi. Di bawah penyeliaan Zazali Mohd Yatim dan Mohd Izhah, perbarisan lintas hormat tersebut telah menempa kejayaan! Tahniah kepada semua warga IKHLAS yang terlibat. Sesungguhnya, kami amat berbangga dengan anda!



4 Oktober 2007
MNRB Berkongsi Sinar Ramadhan dengan Anak-Anak Yatim

Sebagai kesinambungan tradisi dengan penganjuran aktiviti-aktiviti amal, MNRB bersama-sama Malaysian Re, MNRB Retakaful dan Malaysian Re Dubai, telah memulakan musim perayaan dengan aktiviti amal iaitu berkongsi semangat Ramadhan Al-Mubarak dengan 50 orang kanak-kanak dari Rumah Amal Limpahan Kasih, Puchong, Selangor Darul Ehsan. Kakitangan MNRB dan Malaysian Re telah menggunakan peluang ini untuk menghulurkan sumbangan wang tunai dan pakaian kepada kanak-kanak tersebut.



9 Oktober 2007
Lawatan Takaful IKHLAS ke Pusat Perlindungan PERNIM

Sempena bulan Ramadhan Al-Mubarak, Takaful IKHLAS telah menganjurkan lawatan ke Pusat Perlindungan PERNIM, sebuah pusat perlindungan bagi anak-anak yatim terbiar yang menghidap HIV/AIDS. Lawatan ke pusat yang terletak di Kampung Cheras Baru, Kuala Lumpur disambut dengan penuh keceriaan dan keletah kanak-kanak tersebut. Pengasas dan Pengerusi pusat perlindungan, Hajah Norlina Alawi telah mengorbankan masa dan wang ringgit bagi memastikan supaya kanak-kanak yang tidak bernasib baik itu mendapat kasih sayang dan perlindungan sewajarnya selepas diabaikan oleh saudara-mara mereka.

26 Oktober 2007
Khabar dari Utara

Sewaktu ingin melelapkan mata selepas menghabiskan sesi "Taddarus Al Quran", 30 orang pelajar Sekolah Pengajian Islam Pondok Bandar Hilir, Teloi, Kedah terpaksa lari bertempiran menyelamatkan diri apabila sekolah mereka dijilat api. Berikutan tragedi tersebut, Pejabat Wilayah Utara Takaful IKHLAS, bersama-sama dengan Jabatan Pembangunan Agensi telah menghulurkan bantuan dari segi tenaga kerja serta wang ringgit yang dikutip daripada semua warga IKHLAS. Kutipan berjumlah RM1,880.00 telah disampaikan kepada sekolah tersebut oleh Hazzrie Abu Bakar, Pengurus Pemasaran Pejabat Wilayah Utara. Keprihatinan dan keikhlasan semua warga IKHLAS dan bantuan daripada agensi adalah amat dihargai.

30 – 31 Oktober 2007
Hari Kualiti Kumpulan PNB

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan MNRB terhadap inisiatif berkaitan kualiti PNB, Kumpulan MNRB telah mengambil bahagian dalam Hari Kualiti 2007. Seperti tahun-tahun sebelumnya, acara tersebut berperanan sebagai platform bagi perkongsian pengetahuan berkaitan pencapaian kualiti dan pencapaian di kalangan Kumpulan Syarikat PNB. Acara yang dijalankan di Pusat Konvensyen Sime Darby tersebut dirasmikan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji Abdul Hamid, Pengerusi dan Y. Bhg. Tan Sri Dato' Mahad Kama Piah Che Othman, Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif PNB. Di bawah tema "Sinergi Ke Arah Kecemerlangan Perniagaan", MNRB telah memilih untuk mengetengahkan strategi bersinergi dalam menyediakan perkhidmatan perlindungan kewangan Islam sebagai bahan pameran utama di gerai pamerannya.



4 November 2007
Sambutan Perayaan untuk Kanak-kanak Kurang Bernasib Baik bersama Kakitangan Kumpulan MNRB

Sebagai warga korporat yang prihatin, MNRB berazam untuk menyumbang kembali kepada masyarakat dengan menganjurkan pelbagai aktiviti amal. Dengan cara ini, MNRB dan Malaysian Re telah berkongsi keceriaan "Deepavali" dengan 34 orang anak yatim dan miskin daripada Rumah "Tara Bhavan". Kanak-kanak yang berusia 3 hingga 17 tahun tersebut telah diraikan dengan acara membeli-belah di "Kamdar" dan "Bata" di Jalan Tuanku Abdul Rahman dan kemudian makan tengahari bersama pihak Pengurusan dan kakitangan MNRB dan Malaysian Re. Setiap kanak-kanak yang hadir turut dihadiahkan dengan sumbangan wang tunai dan hamper makanan. Kakitangan MNRB dan Malaysian Re juga turut menyumbang dengan menghulurkan wang tunai dan pakaian kepada kanak-kanak tersebut.



19 Disember 2007
MNRB dan Malaysian Re Membawa
Keceriaan ke Rumah Shalom

MNRB & Malaysian Re mengakhiri musim perayaan dengan penuh kasih sayang, perhatian dan keceriaan hari Natal bersama-sama 30 orang kanak-kanak kurang bernasib baik dari Rumah Shalom, Puchong, Selangor. Rumah Shalom menyediakan perlindungan kepada kanak-kanak terbiar, khususnya mereka yang datang daripada keluarga yang bermasalah. Kanak-kanak tersebut berkumpul untuk berkongsi keceriaan dengan para sukarelawan daripada kedua-dua syarikat. Sepanjang lawatan, kanak-kanak di Rumah tersebut telah diceriakan dengan aktiviti yang menyeronokkan dan permainan dengan "Santa". Seajar dengan keceriaan hari Natal, kanak-kanak tersebut telah menampilkan bakat terpendam mereka dengan mengalunkan lagu hari Natal. Setiap kanak-kanak diberi sumbangan wang tunai dan hamper makanan. Sebagai usaha untuk meringankan keperluan Rumah tersebut, MNRB telah menyampaikan sekeping cek bernilai RM2,500.



12 Januari 2008
Gotong Royong di Maran

Takaful IKHLAS dan Agensi Pantai Timur, khususnya dari Pahang, berserta kakitangan Parlimen Malaysia, UiTM dan Pos Malaysia telah mengambil bahagian dalam gotong-royong di Seberang Chenor, Maran, Pahang Darul Makmur. Acara tersebut adalah untuk memberi bantuan kepada mangsa banjir; dengan membersihkan masjid, sekolah dan tempat-tempat lain yang dilanda banjir. Takaful IKHLAS turut menyumbangkan beberapa kelengkapan

termasuk menggantikan permaidani, sejadah dan naskah-naskah Al-Quran untuk masjid serta beg-beg sekolah untuk kanak-kanak daripada keluarga yang mana rumah dan harta-benda mereka telah musnah akibat banjir.



5 Februari 2008
MNRB & Malaysian Re Menzahirkan
Keperihatinan Mereka Kepada Warga Emas

Kumpulan memulakan Tahun Baru dengan berkongsi kemeriahan "Gong Xi Fa Chai" dengan 50 orang penghuni Rumah Orang Tua Ampang. Sebagai memenuhi keperluan Rumah tersebut, MNRB dan Malaysian Re telah menyampaikan sumbangan wang dan hamper makanan kepada semua penghuni.



13 Februari 2008
Satu Lagi Usaha Menyelamatkan Nyawa

"Kempan Derma Darah MNRB" yang diadakan dengan usahasama Pusat Darah Negara (NBC) telah mendapat sambutan yang begitu memberangsangkan daripada semua kakitangan Kumpulan dan penghuni Bangunan Malaysian Re. Seramai 109 orang penderma telah tampil untuk memberikan sokongan.

23 Mac 2008
Karnival Sukan Tahunan PNB

Pelancaran Karnival Sukan Tahunan PNB oleh Y. Bhg. Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, Pengerusi PNB telah diadakan di Bayuemas Indoor Bowls Stadium, Pandamaran, Klang. Sebagai sebahagian daripada Kumpulan PNB, MNRB telah turut mengambil bahagian dalam Kejohanan Boling Padang yang dianjurkan oleh PNB. Semua Syarikat Kumpulan PNB telah diminta untuk menjadi tuan rumah sekurang-kurangnya sekali bagi Karnival tersebut dan MNRB, melalui Kelab Sukan, telah menjadi tuan rumah pertandingan futsal.



25 - 27 Mac 2008
Kesihatan Jantung

MNRB sekali lagi menjalinkan kerjasama dengan Yayasan Jantung Malaysia dalam menganjurkan "Kempen Kesedaran Kesihatan Jantung" yang ketiga. Semasa acara tersebut, MNRB telah menyumbangkan RM10,000.00 kepada Yayasan berkenaan. Kempen yang meliputi Pemeriksaan Kesihatan dan Ceramah itu bertujuan untuk mendidik kakitangan berhubung semua aspek penyakit jantung. Kakitangan diberi pemeriksaan tekanan darah, Indeks Jisim Tubuh, ujian kandungan glukosa dan kolesterol dalam darah serta khidmat nasihat kesihatan, kesemuanya secara percuma. Seorang ahli kardiologi daripada Institut Jantung Negara turut mengadakan ceramah kesihatan berhubung kesihatan jantung secara umum.